

Islam boleh bangkit

Dr Mahathir garis empat pendekatan untuk capai matlamat

PETALING JAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha untuk mencetuskan Kebangkitan Semula Islam boleh dilakukan jika wujud azam tulen di kalangan masyarakat, negara dan kerajaan Islam.

Dalam ceramah khas jamuan tengah hari pada Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) di Pusat Konvensyen Sunway di sini, semalam, bekas Perdana Menteri itu menggariskan empat pendekatan untuk mencapai matlamat berkenaan.

Pertama, dengan kembali kepada konsep Ummah, kekayaan milik Allah dan dipegang oleh golongan kaya selaku pemegang amanah, hendaklah diagihkan di kalangan umat Islam.

Kedua, pengagihan ini mestilah menerusi pelaburan dalam infrastruktur yang diperlukan di negara yang tidak mampu membiayainya

dan pihak pemegang kekayaan itu harus menikmati sebahagian keuntungan daripadanya.

Dr Mahathir berkata, infrastruktur menjana kekayaan, malah ketika dalam pembinaan mewujudkan pekerjaan dan perniagaan di negara miskin.

Infrastruktur itu termasuk tandasan kereta api, jalan raya, pelaburan, lapangan terbang, loji kuasa, bekalan air dan saluran, katanya.

Ketiga, oleh sebab negara kaya Islam kurang penduduk, mereka hendaklah membangunkan sumber manusia di negara Islam miskin yang padat dengan penduduk.

Beliau berkata, sekolah, Universiti dan institut latihan kemahiran hendaklah didirikan dan sebilangan besar biasiswa disediakan bagi melahirkan sumber manusia terpelajar dan berketrampilan.

Akhir sekali, kata beliau, negara yang mempunyai kebolehan berbuat

demikian boleh melabur di negara yang mempunyai ramai penduduk.

"Jika langkah ini diambil, negara Islam pasti mencapai status negara maju. Bagi kebangkitan memberi erti, orang Islam mestilah memelihara agama dan budaya, khususnya nilai moral mereka," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu, bagaimanapun berkata berdasarkan status kuasa besarnya, Amerika Syarikat

"Amerika Syarikat secara teknikal adalah sebuah negara mufliis kerana bajet dan perdagangannya mengalami defisit"

Dr Mahathir Mohamad
Bekas Perdana Menteri

tidak diisytiharkan bankrap.

"Jika sebuah negara seperti Malaysia berada dalam situasi sama, sudah tentu akan diisytiharkan sebagai bankrap," katanya.

Ketika sesi dialog dengan peserta WIEF, Dr Mahathir turut mempersoalkan sikap negara Islam yang masih berminat menggunakan dolar Amerika Syarikat dalam urusan dagangan mereka ketika negara itu secara teknikalnya bankrap.

"Apabila saya mencadangkan penggunaan dinar emas, untuk urusan perdagangan di kalangan negara Islam, tidak satu negara Islam pun berminat. Begitu juga dengan cadangan menggunakan Yen dan Euro.

"Pada satu ketika, nilai US\$0.80 sen bersamaan satu Euro kini US\$1.30 sen bersamaan satu Euro dan ini menunjukkan kita kehilangan US\$0.50 sen setiap dolar Amerika yang didagangkan," katanya. - Bernama